

23 JUN 2002

Mahathir-Australia/I

DR MAHATHIR JADI TAJUK UTAMA AKHBAR AUSTRALIA

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 23 Jun (Bernama) -- Pengumuman mengejut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai keputusannya meletakkan jawatan sebagai Presiden Umno, yang ditarik balik olehnya kemudian, menjadi tajuk utama akhbar dan radio di Australia.

Ia merupakan berita utama muka depan akhbar "The Sunday Age" di sini dengan tajuk berita "Mahathir Uproar" (Kegemparan Mahathir). Berita itu ditulis oleh editor Asia akhbar itu, Mark Baker.

Dengan menggambarkan peristiwa penuh emosional pada Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur itu, Baker berkata: "Drama petang itu meninggalkan persoalan-persoalan serius mengenai masa depan kepimpinan politik Malaysia dan menimbulkan spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan lebih awal dalam beberapa bulan lagi."

Baker berkata pengumuman itu menjadi lebih mengejutkan apabila Dr Mahathir "dilihat oleh ramai penganalisis sebagai berada dalam kedudukan yang lebih berpengaruh."

Editor Luar Negeri akhbar The Sunday Herald Sun Mark Race pula melaporkan bahawa Dr Mahathir "kelihatan cergas dan bersemangat juang semasa beliau berdiri berucap di hadapan para perwakilan (Umno)".

Race berkata Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri Australia tidak tahu menahu tentang pergolakan politik yang membelenggui Malaysia.

Jurucakap Hal Ehwal Luar Pembangkang Kevin Rudd berkata tindakan Dr Mahathir itu bukan sesuatu yang biasa tetapi memberi beberapa makna.

"Pada usia 76 tahun, kesihatannya baik tetapi sejak beberapa bulan lepas, terdapat spekulasi bahawa beliau akan mengikuti jejak Lee Kuan Yew dengan meletakkan jawatan sebagai ketua parti untuk menyandang jawatan menteri kanan," kata Rudd, bekas diplomat kanan.

-- BERNAMA

NDC AHH TS NAK